

**Muhyiddin Sampai Ucaptama Sidang Kemuncak Transformasi Pendidikan Di UAE
Bernama
06 Mei, 2012
Daripada Ahmad Shukran Shaharudin**

ABU DHABI, 6 Mei (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin dijadual menyampaikan ucap tama pada Sidang Kemuncak Mentranformasi Pendidikan (TES) pada Rabu, satu daripada program lawatan rasmi beliau ke Emiriah Arab Bersatu (UAE) yang bermula Isnin.

Muhyiddin, yang pertama kali melawat Abu Dhabi sejak memegang jawatan Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran pada April 2009, akan menghadiri sidang kemuncak yang julung kali diadakan anjuran Majlis Pendidikan Abu Dhabi (ADEC).

Kuasa Usaha Sementara Kedutaan Malaysia di UAE Abdullah Ma'amor Ibrahim berkata selain Muhyiddin, bekas Perdana Menteri Britain Gordon Brown dan bekas Presiden Finland Tarja Halonen turut dijadual berucap pada sidang berkenaan.

"Timbalan Perdana Menteri akan berkongsi pengalaman Malaysia dan bidang pendidikan dalam ucap tama bertajuk 'Leading Across - How Do Effective Government Leaders Engage Across Sectors?'," kata beliau kepada wartawan Malaysia di sini.

Abdullah Ma'amor berkata Muhyiddin diundang penganjur, yang dinaungi Putera Mahkota Abu Dhabi Jeneral Sheikh Mohammed Zayed Al Nahyan yang juga Timbalan Agung Komander Angkatan Tentera UAE.

"Ia merupakan satu majlis eksklusif yang menghimpunkan kira-kira 200 tokoh dunia dalam bidang politik, perniagaan dan dermawan, menteri pendidikan dan bekas menteri pendidikan serta pakar pendidikan bagi membincangkan pembaharuan dalam transformasi pendidikan," kata beliau.

Ini seiring dengan inisiatif Program Transformasi Kerajaan (GTP) dan Program Transformasi Ekonomi (ETP), katanya.

Abdullah Ma'amor berkata TES dianjurkan bersama Direktorat Pendidikan Pertubuhan Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan (OECD).

Beliau berkata TES akan berkongsi kejayaan dan pengalaman hasil daripada pelaksanaan transformasi pendidikan di samping mengenal pasti cabaran getir yang dihadapi ketika berunding dengan pihak-pihak berkepentingan dan pencetus perubahan.

Abdullah Ma'amor berkata Muhyidin turut dijadual menemui rakan sejawatannya Menteri Pendidikan UAE Humaid Mohamed Obaid Al-Qatami untuk membincangkan pelbagai isu dua hala, serantau dan antarabangsa.

"Muhyiddin turut melawat sekolah contoh dan menghadiri Majlis Bersama Rakyat Malaysia di Abu Dhabi esok," katanya.

Terdapat kira-kira 6,000 rakyat Malaysia di UAE dengan 2,000 daripada mereka kebanyakannya golongan profesional bekerja di Abu Dhabi dan 2,000 lagi di Dubai.

Daripada segi dagangan, jumlahnya mencecah RM21 bilion tahun lepas. Berbanding dengan negara-negara Majlis Kerjasama Teluk (GCC) lain, UAE merupakan pasaran eksport terbesar

bagi Malaysia.

Pada 2011, pertumbuhan dagangan antara kedua-dua negara adalah antara lima dan enam peratus yang melibatkan eksport barangan elektrik dan elektronik, minyak sawit dan bahan binaan, dengan Malaysia mengimport produk minyak dan gas dari negara Arab itu.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=664136>